



Meninjau Pemikiran Edward Wadie Said Dalam *Orientalism*: Perihal Konstruksi Barat Terhadap Timur

Syed Ahmad Fathi

The Independent Insight (Email: fathi137@gmail.com)

Abstrak


Tinjauan ini cuba mengeluarkan perbincangan dan isi-isi utama dari buku *Orientalism: Western Conceptions of the Orient* tulisan Edward Wadie Said dan menghuraikannya. Tinjauan ini bukanlah bermaksud menjadi terjemahan literal ke atas teks yang ditulis oleh Edward Said, sebarang terjemahan dalam tinjauan ini diterjemahkan dan dipermudahkan dengan bebas mengikut kesesuaian bahasa tanpa mengubah maksud asal penulis. Tinjauan ini cuba untuk menetengahkan isi utama dalam penulisan Edward Said termasuklah definisi dan konsep *Orientalism*, perkembangan dan sejarahnya sebagai cabang ilmu, serta bagaimana lapangan kajian *Orientalism* dijadikan alat penguasaan, kolonialisme dan imperialisme.

Kata kunci: Edward W. Said, Orientalism, Colonialism, Post-Colonialism, Imperialism, Literature Criticism, Representation, Orient, Occident, Politics, Strategic Location, Intellectual Decay, History, Liberal Culture, Textual Attitude

Pendahuluan

Antara siri syarahan-syarahan yang saya gemari adalah syarahan-syarahan oleh Edward Said, tema yang selalu beliau bawakan adalah penentangan beliau terhadap pendapat-pendapat perihal budaya yang ditulis oleh Bernard Lewis. Beliau juga sering mengkritik idea *Clash of Civilisations* nukilan Samuel P. Huntington yang bagi beliau merupakan intipati ideologi yang memberi nafas baru kepada polisi militer Amerika selepas habisnya Perang Dingin, idea Huntington menurut Said memberi semula pekerjaan kepada kontraktor-kontraktor perang yang kehilangan pekerjaan selepas tamatnya Perang Dingin, kini berkat idea Huntington, kuasa hegemonik dunia, Amerika Syarikat, mempunyai musuh baharu – Islam.

Naskah *Orientalism* ini telah lama duduk di dalam almari bacaan saya, naskah saya merupakan naskah *preloved*, di lembaran pertama tertulis “Sarah Graham. Jan. 1993.” - mungkin merupakan pemilik terdahulu, saya berhajat untuk membaca karya yang sangat berpengaruh ini perlahan-lahan, sambil mencoret nota sepanjang penelitian saya. Sebahagian dari nota yang saya coretkan pernah diterbitkan secara bersiri di ruangan *Cerna Minda Research Academy (Cemara)*. Saya mula membaca naskah ini pada Oktober 2020 dan menghabiskannya pada April 2021. Manakala tinjauan ini pula



hanya berjaya saya siapkan pada bulan Mac 2022. Oleh itu anda mungkin mendapat gambaran betapa besarnya karya ini, ia mengambil masa hampir 3 tahun buat saya menekuninya.

Sebelum kita masuk ke dalam pendahuluan buku ini, elok kita kenali dahulu serba sedikit perihal pengarangnya, satu sosok yang penting dalam pengkajian sejarah budaya. Edward Wadie Said dilahirkan di Palestin pada tahun 1935, ayahnya berkhidmat sebagai tentera Amerika Syarikat lantas melayakkannya untuk mendapat status kewarganegaraan. Said mendapat pendidikan di Jerusalem kemudian di Mesir sebelum melanjutkan pengajian di Massachusetts. Beliau menamatkan sarjana muda di Princeton sebelum mendapat ijazah dan doktor falsafah dari Harvard dalam bidang sastera Inggeris. Buku *Orientalism* ini

diterbitkan pada tahun 1978 (44 tahun lalu) dimana Prof. Edward Said menganalisa tulisan ahli akademik Barat dalam membangunkan konsep *Oriental* yang beliau anggap bias dan bersifat stereotaip terutamanya terhadap dunia Arab-Islam, usaha ini dilakukan bagi menyokong projek kolonial Barat di kebanyakan dunia Islam.

Professor Edward Said juga disifatkan sebagai Bapa Kajian *Post-Colonial*, buku beliau *Orientalism* ini, setelah 44 tahun diterbitkan, masih lagi relevan. Perbincangan-perbincangannya masih lagi menyengat, periwiyatan tentang bagaimana ilmu perihal ketimuran mengikut neraca Barat sangat membuka minda dan memaksa minda kita berfikir, termenung, dan merenung. Merenung malah ke dalam falsafah-falsafah asas, tentang apa itu ilmu? Bagaimana ia dihasilkan? Dalam perbincangan polemikal Said, ilmu yang difokuskan adalah ilmu perihal Timur yang digelar sebagai *Orient*.

Penciptaan Konsep “Orient” Oleh Eropah

Dalam pendahuluan, Said merekodkan bahawa konsep “Orient” adalah hampir keseluruhannya merupakan ciptaan orang Eropah, ia digambarkan sejak dahulu sebagai tempat yang romantik, penuh dengan hidupan exotik, yang meninggalkan memori yang menggigit serta dihiasi oleh lanskap yang menghasilkan pengalaman yang menakjubkan. (1) *Orientalism* pula merupakan kaedah atau cara Barat untuk mendominasi, menyusun semula, dan menguatkuasakan pengaruh mereka di dunia *Oriental*. Hasilnya, melalui pengamatan Said, tulisan-tulisan yang lahir berkenaan subjek ini sering dibatasi pemikiran yang ditekankan oleh *Orientalism*. Pemikiran ini memberikan kebudayaan Eropah kekuatan dan identiti yang berlawanan dengan sifat-sifat *Orient* yang dicipta. (3)

Orient dan *Occident* merupakan ciptaan manusia seperti mana juga konsep Barat merupakan ciptaan manusia. Idea perihal *Orient* ini mempunyai sejarah dan tradisi pemikiran, imej-imej, juga perbendaharaan kata yang memberikan idea tersebut kelihatan mempunyai realiti dan kewujudan. Oleh itu, bagi Said, adalah satu kesilapan untuk mengatakan *Orient* hanyalah sebuah idea atau ciptaan yang tidak mempunyai realiti. Analisis perihal kewujudan idea dan realiti perihal *Orient* mestilah difahami dari sudut pandang perhubungan kekuasaan antara *Orient* dan *Occident*, kerana hubungan mereka merupakan hubungan kekuasaan, dominasi, dan hegemoni yang kompleks. (5)

Said memberi contoh berkenaan wanita Mesir yang bernama Kuchuk Hanem di dalam novel yang ditulis novelis Perancis, Gustave Flaubert. Diskripsi Flaubert tentang Hanem membentuk satu idea yang terkenal berkenaan dengan sifat-sifat wanita *Orient*. Padahal Hanem tidak pernah berbicara perihal dirinya, tidak pernah menzahirkan emosinya, menerangkan kewujudannya, juga sejarahnya.

Hanya Flaubert yang bercakap untuk pihak Hanem, dia seolah-olah wakil yang tidak dilantik tetapi dapat memberikan sifat-sifat kepada Hanem. Contoh ini bukanlah contoh yang unik, terasing, atau tersendiri, tetapi ia adalah naratif yang selalu wujud dalam karya-karya Orientalis. (6)

Tetapi Said tidak bersedia untuk mengatakan bahawa struktur kefahaman Orientalis hanyalah tipu daya dan mitos, ia adalah tanda kekuasaan Eropah ke atas dunia *Orient*. Beliau menegaskan bahawa apa-apa sistem idea yang mampu bertahan, tidak berubah dan senantiasa diajar sebagai satu bentuk ilmu selama beratus-ratus tahun mestilah mempunyai kualiti yang lebih hebat dari sekadar koleksi penipuan. (6)

Konsep Budaya Menurut Gramsci dan Orientalism Sebagai Cabang Ilmu

Membicarakan soal budaya, Said meminjam idea Gramsci perihal perbezaan antara masyarakat sivil dan masyarakat politik, masyarakat politik memerlukan tentera, polis dan biro pengawal yang mana tugas mereka adalah untuk mengawal masyarakat. Budaya menurut Gramsci wujud dalam masyarakat sivil di mana pengaruh idea bertindak bukan melalui dominasi tetapi persefahaman. *Orientalism* pula terbentuk dari budaya hegemoni iaitu idea bahawa orang-orang Eropah adalah lebih *superior* dari orang bukan-Eropah dari sudut kemasyarakatan dan budaya. (7) Perbincangan-perbincangan ini merupakan perbincangan awal dalam pendahuluan yang ditulis oleh Edward Said dimana beliau memperlihatkan permasalahan yang ingin beliau teliti dan bincangkan.

Orientalism menurut Said bukan sahaja telah menjadi satu cara fikir untuk melihat budaya, malah ia telah menjadi satu cabang keilmuan yang besar. Dengan mengatakan ia menjadi sebuah cabang ilmu, Said tidak mengatakan bahawa ahli akademik Orientalis sebagai tidak jujur atau mengkhianati ilmu. Sebaliknya, ia terhasil kerana tiada siapa yang pernah mencipta metodologi untuk memisahkan pengkaji dengan keadaan kehidupan sekelilingnya, memisahkan pengkaji dengan penyertaannya (sama ada dalam sedar atau tidak) dalam kelas, kepercayaan, kedudukan sosial, atau ahli kepada sesuatu segmen masyarakat. Semua keadaan ini memberi kesan kepada pengkaji tadi akan kerja-kerja akademiknya walaupun dia cuba sedaya upaya untuk menjadi pengkaji yang bebas dan objektif. Oleh itu, bagi Said, kita tidak dapat untuk mengatakan bahawa *Orientalism* merupakan cabang ilmu yang non-politikal. (10)

Said membincangkan persoalan adakah ilmu yang “benar” adalah ilmu yang tidak berunsur politik, sementara ilmu yang berunsur politik bukanlah merupakan ilmu yang “benar”? Perkara ini sering digunakan sebagai senjata dalam perdebatan politik, untuk membuang sesuatu ilmu atau fakta, ia hanya perlu dilabel sebagai politikal atau mempunyai niat-niat politik disebalik fakta tersebut, jadi ia akan dilihat sebagai fakta yang tidak jujur. (10) Bagi Said, setiap bahagian ilmu itu mempunyai kadar politik tertentu, kajian perihal sumber tenaga bagi industri tentera Soviet yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan adalah ilmu yang mempunyai kadar unsur politik yang kuat. Manakala kajian berkenaan dengan tulisan kesusasteraan Tolstoy oleh sebuah yayasan mempunyai kadar unsur politik yang lebih lemah, walaupun kedua-duanya merupakan kajian bidang keilmuan dalam kategori umum – Russia. (10-11)

Era dimana ilmu-ilmu *Orientalism* dilahirkan mempunyai pengaruh politik imperialisme yang sangat kuat, sehingga ia mengawal keseluruhan cabang ilmu tersebut baik dari sudut kajian, imaginasi, juga institusi akademik. Ia begitu kuat dan dominan sehingga untuk menghasilkan sebarang kerja yang bersifat akademik dan sejarah tanpa sebarang pengaruh dari politik imperialisme adalah satu perkara yang mustahil. (14) Said mengkritik hero-hero budaya liberal seperti John Stuart Mill, Macaulay, Ruskin, George Eliot, malah Dicken, yang semuanya mempunyai pandangan perihal bangsa dan imperialisme. John Stuart Mill sebagai contoh, mengatakan bahawa tulisannya *On*

Liberty dan *Representative Government* tidak boleh diaplikasikan di India kerana India secara tamadunnya dan juga bangsanya lebih rendah, Mill merupakan pegawai kolonial di British East India Company dan beliau mempertahankan Imperialisme British di dalam tulisannya. (14)

Walaupun naskah ini ditulis Said bagi mengkritik gambaran yang dibuat oleh Orientalis Barat terhadap masyarakat Timur, beliau berpandangan bahawa bukanlah keilmuan yang dibangunkan Orientalis Barat itu langsung tidak membawa apa-apa sumbangan terhadap khazanah ilmu manusia. Beliau mengiktiraf sumbangan yang dilakukan dalam lapangan kajian ini terutamanya pada abad ke-19 dimana ia telah menambah jumlah bahasa yang diajar di Barat, ia juga menambah pelbagai jenis manuskrip yang disunting, diterjemah, dan dihuraikan. Ia menyediakan kepada dunia Timur pelajar-pelajar dari Eropah yang jujur dalam semangat mereka menggali ilmu. Namun fahaman *Orientalism* ini menggantikan Timur yang sebenar, sebagai satu fahaman tentang Timur. Dalam erti kata lain, Timur bukan lagi Timur yang hidup dan original, sebaliknya ia digantikan dengan tafsiran dan gambaran yang dibuat oleh Orientalis. Sering kali idea dan ilmu yang diambil dari Timur ini dijadikan alat politik untuk digunakan untuk menguasai Timur. (96) Antara definisi *Orientalism* bagi Said adalah sebuah sistem ilmu Eropah atau Barat tentang Timur. Sistem ilmu ini sinonim dengan penguasaan Barat ke atas Timur. (198) Andaian asas beliau dalam menyetengahkan *thesis* beliau adalah bidang keilmuan mempunyai limitasi dan dipengaruhi oleh masyarakat, tradisi, keadaan dunia, juga institusi-institusi seperti sekolah, perpustakaan dan kerajaan. Sesuatu penulisan menurut beliau tidak pernah bebas, ia sentiasa terikat dengan imaginasi, andaian dan juga motif. Perkara yang sama berlaku dalam bidang *Orientalism*, ia merupakan bidang yang tidaklah begitu objektif seperti yang selalu kita fikirkan. (201-202)

Mengkritik produksi ilmu yang dihasilkan Orientalis, Said menyatakan bagaimana ilmu yang dihasilkan oleh barisan sarjana ini sekadar penyalinan semula, tanpa difikirkan, dan tanpa dikritik dan ditulis komentari perihalnya. Ilmu dalam perspektif ini tidak memerlukan kebolehnya untuk diaplikasikan dalam dunia sebenar, apa yang penting adalah ilmu itu ada dan ditulis. Inilah secara literalnya apa yang dikatakan sebagai *idees reçues* – idea yang diterima tanpa soal. (116) Hanya kerana ia pernah ditulis, dan ia diterima sebelum ini, maka ia dianggap sebagai idea yang benar tanpa apa-apa soalan kritikal ditanya perihalnya. Fungsi *Orientalism* menurut Said adalah sebagai satu bidang yang mengumpul bahan-bahan Oriental dan menyusunnya secara sistematik kemudian mengawal penyebaran bahan-bahan ini sebagai satu bidang ilmu yang khusus. (165)

Edward Said juga berkomentar perihal pembangunan keilmuan. Menurut beliau pembangunan keilmuan terutamanya ilmu-ilmu khusus merupakan satu proses yang perlahan. Ia tidak sekadar bersifat kumulatif atau berganda melalui penambahan. Proses pembangunan ilmu-ilmu khusus ini melibatkan proses pengumpulan yang selektif, mengganti sesuatu fakta dengan fakta yang baru, pembuangan fakta yang sudah luput dan tidak lagi benar, penyusunan semula, serta pemilihan melalui *consensus* berdasarkan kajian. (176) Dalam bidang *Orientalism*, Said berpendapat para cendekiawan Barat hanya menulis semula apa yang sudah ditulis oleh Orientalis sebelum mereka, walaupun mereka mendapat informasi baharu mereka tetap akan menganalisisnya dan menulisnya semula melalui perspektif, ideologi, dan *thesis* Orientalis sebelum mereka. Dari praxis ini, menurut beliau, ia tidak menjadi bidang ilmu yang berkembang secara organik, sebaliknya hanya menjadi satu proses penulisan semula (*re-writing*). (177)

Metodologi, Skop dan Sumber Teks *Orientalism*

Edward Said menjelaskan bahawa kajiannya memfokuskan teks-teks dari tiga kuasa imperial utama iaitu British, Perancis, dan Amerika Syarikat. (15) Kajiannya berusaha untuk menjawab persoalan seperti bagaimana subjek-subjek seperti sejarah, biologi, teori politik dan ekonomi, dan penulisan menjadi alat untuk membentuk pemikiran Orientalis yang mempunyai pandangan imperialis

terhadap dunia. (15) Said sedar dengan mengecilkan skop perbincangan teks beliau, beliau tidak dapat berlaku adil terhadap karya-karya Orientalis lain seperti yang dihasilkan oleh German, Itali, Russia, Sepanyol dan Portugis. Beliau juga sedar bahawa kecenderungan untuk mengkaji Oriental pada abad ke-18 merupakan hasil revolusi dalam *Biblical studies*, namun ini bukan fokus beliau. Bagi beliau kuasa imperialis yang penting adalah British dan Perancis, kemudian diteruskan oleh Amerika selepas Perang Dunia Ke-2, kualiti, kuantiti, dan kedalaman pengetahuan Orientalis yang dihasilkan tiga kuasa besar ini menjadikannya sebagai sumber kajian yang lebih penting berbanding kuasa-kuasa lain menurut Said. (17)

Antara metodologi yang digunakan Said dalam analisisnya terhadap teks-teks Orientalim adalah *strategic location* dimana penulis dinilai perihal kedudukannya di dalam teks yang ditulisnya, juga berkenaan dengan isi yang ditulisnya. Metodologi ini merupakan strategi beliau dalam menentukan masalah utama yang dihadapi oleh penulis-penulis Orientalis iaitu bagaimana untuk menguasai subjek yang mereka tulis, bagaimana hendak mempersembahkannya, dan bagaimana untuk tidak dikalahkan atau tidak ditenggelami oleh subjek yang ditulisnya yang penuh dengan keagungan, skop yang luas dan dimensi yang pelbagai. (20) Bahagian-bahagian yang diteliti beliau termasuklah stail, penggunaan bahasa, latar, dan naratif. Beliau tidak menganalisis sama ada kerja-kerja yang dilakukan Orientalis itu benar pada persembahannya ataupun sesuatu karya itu setia kepada keaslian atau tidak, kerana ini bukan merupakan skop atau fokus beliau. (21)

Edward Said dalam skop kajian beliau tidak membatasi sumber analisa beliau hanya kepada teks akademik, tetapi beliau turut menganalisa tulisan sastera, perbincangan politik, bahan-bahan berita, buku-buku travelog, kajian keagamaan dan kajian filologi. Beliau mendapati, salah satu cara *Orientalism* berubah untuk menjadi cabang ilmu yang autoritatif adalah dengan memetik kajian dan tulisan sesama mereka. Dalam kata lain, *Orientalism* adalah sebuah sistem yang memetik bahan, kajian dan tulisan penulis-penulis sebelumnya. Tulisan Edward William Lane, *Manners and Customs of the Modern Egyptians* sebagai contoh, dibaca dan dipetik oleh pelbagai figura-figura Orientalis lain seperti Nerval, Flaubert, dan Richard Burton hingga ia dilihat sebagai satu sumber penulisan yang besar nilainya. (23)

Motif dan Kelemahan Kajian Edward Said

Semakin lama saya membaca buku ini, semakin perlahan kelajuan membaca saya. Permulaannya agak mendatar, namun semakin dalam ia semakin membangkitkan rasa ingin tahu dalam diri saya. Sudah lama rasanya saya tidak bertemu dengan buku yang menyebabkan saya begitu teruja, sanggup mencari cahaya-cahaya malap di malam hari agar boleh ditumpahkan ke helaian-helaian buku untuk dibaca. Mungkin buku yang pernah meremangkan perasaan ingin tahu saya seperti ini adalah bacaan saya pada buku Norman G. Finkelstein pada satu ketika dahulu, yang bertajuk *The Holocaust Industry*. Baik, mari kita teruskan pembedahan kita pada karya Edward Said ini.

Edward Said sedikit merendah diri dalam mempersembahkan kajiannya, beliau memperakui bahawa antara kelemahan kajian beliau, yang beliau harap dapat dikupas oleh generasi mendatang adalah memberikan alternatif tentang bagaimana kita boleh mengkaji budaya dan masyarakat asing secara bebas tanpa perspektif yang bersifat manipulatif dan represif. Untuk menyediakan alternatif ini, kita perlu memahami interaksi kompleks antara kekuasaan politik dan penghasilan ilmu. (24) Kerana mereka yang punya kuasa (kuasa akademik, intelektual, teknologi) yang akan menulis dan mengkaji budaya dan masyarakat lain, yang tidak mempunyai kuasa, oleh kerana itu, kajian itu akan menjadi bias atau bersifat prejudis.

Beliau berharap tulisannya dapat membangkitkan perdebatan tentang anggapan dan *assumption* yang selama ini diterima sebagai fakta tanpa dicabar secara intelektual. (24) Kerana fakta-fakta yang tidak dicabar ini akan menjadi asas kepada pengembangan ilmu, jika ia tidak dinilai secara kritikal, ia akan melahirkan keilmuan dan ilmu yang mempunyai konklusi yang terkhilaf.

Antara sebab lain, mengapa beliau menulis perihal kajian *Orientalism* ini adalah kerana beliau ingin mengenali dirinya sendiri. Beliau memetik tulisan Gramsci dalam *Prison Notebooks* bahawa untuk menjadi seseorang yang mempunyai pandangan yang kritikal, seseorang itu mestilah sedar bahawa dia merupakan produk sejarah, sejarah telah meninggalkan pelbagai kesan kepada dirinya, tetapi sejarah tidak memberi kita senarai perihal peristiwa-peristiwa yang telah memberi kesan sehingga kita menjadi “kita” seperti hari ini. Oleh itu tugas kita adalah untuk mempelajari sejarah, dan memahami bagaimana ia telah membentuk kita pada hari ini. Bagi Said yang membesar di dua koloni British, Palestin dan Mesir, beliau ingin mengkaji sejarah yang membentuk dirinya. (25)

Sejarah Permulaan Orientalism di Barat

Bagi masyarakat Kristian Barat, *Orientalism* sebagai satu bidang ilmu bermula apabila Dewan Gereja Vienne menubuhkan bidang kajian Arab, Yunani, Hebrew dan Syriac di Paris, Oxford, Bologna, Avignon dan Salamanca pada tahun 1312. (49-50) Mana-mana subjek atau bidang keilmuan sukar diberikan satu definisi yang statik, kekal sepanjang zaman, dan menyeluruh. Hal ini kerana setiap bidang ilmu sering berkembang, malah ada yang berkembang sehingga tidak lagi sama sifatnya dari bentuk asalnya, hal yang sama adalah benar perihal ilmu Oriental. (50) Bagi Said, Orientalis boleh jadi merupakan ahli akademik, contohnya Sinologis yang mengkaji perihal China, atau seorang yang mempunyai minat yang mendalam perihal Timur seperti Hugo dan Goethe, atau kedua-duanya sekali, seorang akademik, dalam masa yang sama merupakan seorang *enthusiaist* seperti Friedrich Schlegel. (51)

Pada separuh pertama abad ke-19, kota Paris merupakan pusat dunia kesarjanaan Orientalis. (51) Kesarjanaan dalam bidang Orientalis mengkaji pelbagai disiplin ilmu, ia merangkum bidang yang menyeluruh termasuklah bidang penyuntingan dan alih bahasa teks, antropologi, arkeologi, sosiologi, ekonomi, sejarah, kesusasteraan, budaya, dan ketamadunan Asia dan Afrika. (52) Tetapi penghasilan ilmu dari kesarjanaan ini bukan sahaja menghasilkan ilmu-ilmu yang positif, ia juga bercampur dengan “ilmu kelas kedua” yang merupakan cerita-cerita, mitos perihal sifat kemisterian Timur, yang merupakan mimpi dan imaginasi orang Eropah berkenaan Timur. (52) Mitos-mitos ini dapat dilihat dalam karya-karya tokoh seperti Hugo, Goethe, Nerval, Flaubert, Fitzgerald, dan yang seangkatan dengannya. (53) Oriental diberi sifat-sifat hasil generalisasi, ianya didapati malah dalam penulisan tokoh besar *Anglo-American* yang mengkaji perihal Islam seperti H. A. R. Gibb yang lebih suka dirinya digelar sebagai Orientalis berbanding Arabis. (53) Generalisasi ini dibuat kerana minda manusia memerlukan susunan untuk mengklasifikasikan informasi, susunan ini dibuat melalui proses diskriminasi, juga dengan usaha merekod yang dilakukan dengan intensif. Dengan cara ini kesemua informasi ini dapat dihadam oleh minda, mudah difahami dan ditafsir, dan dapat diberi peranan dalam ekonomi objek dan identiti yang membentuk persekitaran. (53)

Sistem klasifikasi ini mungkin mempunyai asas logikanya, namun mentafsir sesuatu perkara itu dengan memberikannya fungsi dalam sistem ekonomi objek mempunyai bahayanya yang tersendiri, iaitu asas pengklasifikasian itu bersifat rawak (*arbitrary*) yang menjadikannya tidak bermakna. Daun pisang sebagai contoh, mungkin diklasifikasikan dengan nilai yang baik dalam satu masyarakat, tetapi dianggap sebagai simbol sifat malang bagi masyarakat yang lain. (54) Oleh itu, bagi Said,

sesuatu objek, tempat, atau masa yang diberi peranan dan tafsiran hanya mempunyai keabsahan yang objektif setelah diklasifikasikan. (54) Dalam hal ini, Said menggunakan istilah “*fictional reality*”, istilah yang sering digunakan oleh Yuval Noah Harari hari ini, *fictional reality* merupakan istilah yang digunakan untuk mendefinisikan perkara yang dicipta oleh minda manusia, ia wujud (*reality*) tetapi dalam bentuk konsep (*fiction*). Contohnya sempadan negara atau konsep negara itu sendiri. (54)

Mari kita lihat bagaimana Near East (Timur Tengah hari ini) diketahui oleh Barat. Sejak dari awal ia dianggap sebagai antonim kepada Barat, ini dapat dilihat dari penafsiran Bible, penyebaran Kristian, juga Perang Salib. Dari hal-hal ini sebuah arkib yang tersusun terbina berkenaan dengan pengembaraan, sejarah, legenda, stereotaip, juga konfrontasi yang bersifat polemikal. (58) Arkib ini menjadi asas dalam proses klasifikasi dan pembinaan *fictional reality* Barat berkenaan dengan Oriental. Pada peringkat ini Islam ditafsir menjadi sebuah imej, dan fungsi imej itu bukanlah untuk mewakili Islam, tetapi sebagai gambaran untuk disajikan buat populasi Kristian Medieval. (60)

Proses ini memberikan kesan buruk dalam penghasilan ilmu di Eropah berkenaan dengan Islam. Seperti yang dikomentarkan oleh R.W. Southern, sejarawan Oxford dalam kitabnya *Western Views of Islam in the Middle Ages* bahawa “sistem pemikiran Kristian Eropah tidak mampu memberi penerangan berkenaan dengan fenomena yang ingin mereka terangkan (iaitu Islam), malah ia tidak mampu memberi kesan pada peristiwa-peristiwa tersebut secara praktikal”. (62) Ini menjadikan kekolotan Eropah menjadi semakin terperinci dan kompleks, ia tidak lagi menjadi ilmu yang positif. (62) Proses ini kemudian dikembangkan kepada tamadun-tamadun yang lain seperti China dan India, tamadun lain diberikan gambaran menjadi sebuah imej, sebagai pseudo-inkarnasi dari ketamadunan asli yang hebat iaitu Tamadun Eropah Kristian, ia membawakan naratif bahawa tamadun lain hanya meniru Tamadun Eropah Kristian, mereka digambarkan sebagai tidak punya originaliti. (62)

Oleh itu Oriental sentiasa perlu “dibetulkan” malah dihukum kerana berada diluar lingkungan batasan Eropah, Oriental oleh itu telah diorientalkan, atau dalam kata lain diberi makna dan definisi oleh Eropah meskipun makna dan definisi itu tidak dipersetujui dan tidak menggambarkan mereka yang ingin digambarkan. Proses ini menjadikan daerah Oriental sebagai daerah yang dimiliki Orientalis, pembaca yang tidak punya pengalaman mengenai subjek ini diarahkan untuk menerima kodifikasi definisi dan makna yang telah dikeluarkan oleh Orientalis seperti kodifikasi yang ditulis oleh Barthelemy d’Herbelot dalam *Bibliothèque Orientale*. Kebenaran, oleh itu, dalam keilmuan Orientalis menjadi satu keputusan yang dibuat oleh mereka yang terpelajar dalam bidang ini, bukan lagi material yang objektif itu sendiri. (67)

Membetulkan realiti dan mengubahnya kepada satu unit ilmu bukanlah suatu masalah, kerana semua budaya melakukan perkara ini, adalah *natural* bagi manusia untuk cuba memberi definisi atau menafsirkan sesuatu yang asing bagi dirinya. Namun inti kritikan Edward Said dalam proses didaktik ini adalah sikap sarjana Orientalis yang sentiasa membanding dan menyamakan aspek Timur dengan Barat, seolah-olah bahagian Timur tidak mempunyai originaliti. Agama Hindhu sebagai contoh dikatakan sebagai Germano-Kristian Pantheism versi Oriental. Orientalis sentiasa sahaja menukarkan Orient dari satu perkara kepada perkara yang lain. (67)

Antara motif awal keluarnya sarjana Barat untuk mengkaji dan mendefinisikan Timur, adalah keinginan mereka membandingkan budaya Timur dengan Kristian-Eropah, agama-agama Timur digambarkan sebagai tidak original dan merupakan *heresy* (*bid’ah*) yang dibuat oleh bangsa Timur. Kita dapat melihat contoh pemikiran ini dalam karya Dante yang bertajuk *Inferno*, Dante menggambarkan sebuah neraka dimana pada bulatan pertama kita berjumpa dengan tokoh-tokoh Islam seperti Avicenna (Ibnu Sina), Averroes (Ibnu Rusyd), dan Saladin (Salahuddin). Mereka ini

dikisahkan Dante dalam neraka imajinasinya sebagai mendapat siksaan minima seiring dengan ahli *bid'ah* lain seperti Socrates, Plato, dan Aristotle.

Perkara ini bersifat *anachronisms* kerana tokoh-tokoh Yunani ini hidup sebelum munculnya agama Kristian, tetapi ia seolah-olah tidak dipertimbangkan oleh Dante. (69) Bagi Dante, ahli falsafah Muslim ini seolah-olah tidak arif tentang doktrin Kristian walhal di dalam Al-Qur'an, Jesus diangkat sebagai seorang nabi. Said mengkritik percanggahan ini dan melabelkan bahawa karya Dante bersifat "*ahistorical*" iaitu tidak bersejarah. Sebaris dengan karya yang tidak bersejarah lain seperti *The School of Athens* oleh Raphael juga *Dialogues des morts* karya Fenelon. (69)

Islam sememangnya dianggap sebagai sebuah provokasi. Sama ada Islam itu dalam bentuk Arab, Ottoman, Afrika Utara, atau Sepanyol, semuanya dilihat sebagai sebuah peradaban yang bersinar dan cahayanya menutup Rome, ia dianggap sebagai ugutan kepada Kristian Eropah, dan sentiasa menghantui pemikiran mereka. (74)

Oleh itu kita melihat banyak tafsiran-tafsiran berkenaan dengan Islam, Arab, Bangsa Timur dalam penulisan cendekiawan Kristian Barat Medieval merupakan pancaran imej yang salah, yang mengetengahkan bias, prejudis, dan imajinasi mereka. Dalam bab-bab seterusnya, Edward Said menerangkan bagaimana stereotaip ini tidak dibuang dengan timbulnya Orientalis moden tetapi ia distruktur kembali mengikut kaedah moden, stereotaip itu disekularkan sesuai dengan perubahan masyarakat Barat.

Permulaan Orientalism Moden

Orientalism moden menurut Said bermula dari penaklukan Napoleon ke atas Mesir pada 1798, penaklukan ini merupakan model bagaimana sebuah budaya boleh dirampas secara saintifik, ia adalah permulaan baharu hubungan antara Timur dan Barat. (42) Sehebat atau sekreatif manapun seorang penulis itu yang menulis perihal Orient (Timur), pemikiran mereka sentiasa dibatasi *Orientalism*, kerana *Orientalism* akhirnya merupakan visi politik yang membentuk realiti. Visi yang membentuk Eropah sebagai "kami" dan Timur sebagai "mereka". (43) Pemikiran ini akhirnya melahirkan pemikiran *binary*.

Dalam mengkritik pemikiran *binary* ini, jika dahulunya adalah Balfour, hari ini kita mempunyai Henry Kissinger yang merupakan persona politik penting di Amerika Syarikat. Bagi Kissinger, dunia ini terbahagi kepada dua, Amerika dan Barat dan selebihnya adalah negara Dunia Ketiga (*Third World Countries*). (46) Bangsa Barat dianggap lebih emperikal, maju selepas mengalami *Newtonian Revolution*, manakala negara kelas ketiga tertinggal dari revolusi ini, mereka hanya menjadi pemerhati. (47)

Keilmuan Barat perihal Timur (Orient) itu mempunyai kaitan langsung dengan projek kolonial dan juga penguasaan. Ia menjadi ilmu yang mendefinisikan Timur melalui ilmu-ilmu Barat, walaupun dalam banyak hal, bangsa-bangsa Timur tidak seperti yang diungkapkan dalam buku dan penulisan Orientalis. Definisi Timur, sifat-sifatnya, pemikirannya semuanya cuba dimuatkan dalam satu definisi, walhal manusia itu kompleks. Pemikiran-pemikiran simplistik seperti inilah yang dicabar oleh Edward Said.

Orientalism moden yang bermula dengan penaklukan Napoleon terhadap Mesir pada tahun 1798 juga ekspedisinya meneroka Syria menurut Edward Said tidak lagi berselindung disebalik kajian komparatif *Biblical Orient*, tetapi menggunakan teknik moden, rasional dan sekular. Di sini kita melihat kajian Oriental disekularkan dengan mengekalkan bias dan stereotaip sedia ada, cuma

rasionalnya sudah berbeza, jika sebelum ini dirasionalkan dengan dalil agama, kini ia dirasionalkan dengan sains yang sekular. (76)

Napoleon mempunyai cita-cita yang tinggi, beliau mahu menakluki keseluruhan Mesir. Untuk itu beliau membuat perancangan yang sangat rapi, perancangan yang sangat skematik, saintifik, metodikal dan tekstual. Tiga sebab membuatkan Napoleon mengambil keputusan untuk menawan Mesir. Pertama, kejayaan ketenteraannya menyebabkan tiada lagi kawasan untuk dikembangkan keagungannya melainkan ke arah Timur. Kedua, Napoleon sejak mudanya memang meminati Orient, beliau melihatnya sebagai satu tempat yang mampu memberinya keagungan seperti apa yang dicapai oleh Alexander. Ketiga, beliau berpendapat bahawa Mesir merupakan kawasan yang sudah difahami dan dipelajari dari sudut strategi dan sejarah - jadi ia mudah ditawan. Ekspedisi Napoleon bukan merupakan ekspedisi ketenteraan biasa, beliau membawa bersamanya sekumpulan 167 saintis. Bagi Said, ia adalah ekspedisi pertama keilmuan dalam bidang Orientalis yang digunakan bagi tujuan kolonial. (80)

Pengetahuan Napoleon perihal Mesir banyak bergantung dari tulisan pengembaraan Comte de Volney. Bagi Napoleon yang membaca Volney, ada tiga halangan utama hegemoni Perancis ke atas dunia Orient, iaitu England, Ottoman, dan yang ketiga, yang paling sukar adalah Muslim. (81) Penulis Arab awal perihal ekspedisi ini, Abd-al-Rahman al-Jabarti kagum dengan kelicikan strategi Napoleon, beliau mengagumi taktik Napoleon yang menggunakan para cendekiawan untuk menguruskan masyarakat peribumi, beliau sentiasa meletakkan dirinya dalam posisi yang kelihatan seperti berjuang untuk Islam, dan setiap ucapan beliau diterjemah ke Bahasa Arab Al-Qur'an. Beliau sentiasa memperingatkan tenteranya untuk menjaga sensitiviti umat Islam. (82)

Apabila terbukti bilangan tenteranya tidak dapat menandingi tentera Mesir, beliau menggunakan imam tempatan, qadhi, mufti, dan ulama' untuk menafsirkan Al-Qur'an untuk kepentingannya. Seramai 60 ulama' Al-Azhar diundang dan diberi pangkat ketenteraan, Napoleon memperlihatkan dirinya sebagai insan yang menghargai Islam dan Nabi Muhammad, juga faham selok belok Al-Qur'an. Beliau memberikan arahan yang spesifik kepada pembantunya Kleber agar sentiasa mentadbir Mesir melalui cendekiawan Orientalis dan juga pemimpin agama tempatan. Strategi ini berkesan, ia membuatkan masyarakat peribumi percaya kepada penjajah yang menjajahnya. (82)

Strategi ini dipuji oleh Hugo dalam puisinya *Lui*:

*L'Egypte resplendit des feux de son aurore...
Sublime, il apparut aux tribus eblouies,
Comme un Mahomet d'occident.*

*(Egypt shines with the fire of his dawn...
Sublime, he appeared to the dazzled tribes
Like a Mahomet of the Occident.)* (82-83)

Hampir serta merta selepas penaklukkannya ke atas Mesir, golongan saintis yang dibawa yang merupakan sebahagian dari *Institut d'Egypte* yang diasaskan oleh Napoleon yang terdiri daripada ahli kimia, sejarawan, biologis, arkeologis, memulakan eksperimen dan kajian mereka. Semua yang dikaji, didengar, dan dilihat direkodkan, hasilnya adalah penerbitan *Description de l'Egypte* yang begitu besar dan tebal sebanyak 23 jilid. Napoleon bukan sahaja mahu menawan Mesir, termasuk dalam perancangan dominasinya adalah untuk membukanya sebagai objek kajian Eropah, Mesir menjadi sebuah jabatan untuk dipelajari oleh orang Perancis. (83-84)

Dalam bab pendahuluan *Description* yang ditulis oleh Jean-Baptiste-Joseph Fourier, setiausaha institut ini, Fourier memberi justifikasi akan projek penjajahan dan kolonial Perancis ini, menurutnya Mesir yang agung telah jatuh kepada *barbarism*, oleh itu ia memerlukan penyelamat. Penjajah dipotretkan sebagai hero penyelamat, yang akan memberikan mereka kehidupan yang lebih baik, juga menghadihkan mereka kelebihan peradaban. (85)

Penaklukan Napoleon ini merupakan persimpangan besar dalam sejarah *Orientalism*. Ia menyaksikan bagaimana bidang ini disambung, walaupun rasionalnya sudah berubah dari sebab-sebab yang bersifat keagamaan kepada sebab yang lebih sekular, Edward Said menekankan bahawa asas dan fundamentalnya tidak berubah. Di perbahasan-perbahasan seterusnya beliau membentangkan bagaimana bidang antropologi dan filologi digunakan dalam mengembangkan lagi *Orientalism* moden.

Walaupun penaklukan Napoleon merupakan satu kegagalan dari perspektif ketenteraan, ia melahirkan pengalaman baru yang lebih moden terhadap penafsiran dunia Timur. Ia merupakan titik tolak kelahiran *Orientalism* yang baru, bukan lagi menjadi satu bentuk representasi tetapi menjadi bahasa yang mempunyai kesan yang *real*. Dalam erti kata lain, Orientalis menjadi pencipta, mereka menghidupkan budaya lama, menyusunnya semula, dan melahirkannya semula budaya lama ke dalam masyarakat baharu. (87) Kesan dari penulisan Orientalis ini tidak hanya menjadi satu objek akademik, ia ditafsir ke dalam bentuk praktik melalui administrasi kolonial, malah pasca-kolonial ia menjadi teks sejarah yang menggambarkan masyarakat peribumi.

Peranan Antropologi dan Filologi Dalam Perkembangan *Orientalism* Moden

Antara bidang penting yang menjadi instrumen kajian Oriental moden adalah Filologi (kajian sejarah bahasa). Pengkaji-pengkaji Barat mula menunjukkan minat yang mendalam dalam kajian bahasa. Mereka mula mengkaji bahasa-bahasa Timur dan menghidupkan semula bahasa-bahasa purba yang telah mati. Charles Wilkins menguasai bahasa Sanskrit dan menjadi penterjemah pertama *Bhagavad-Gita*. *Orientalism* moden pada permulaan falsafahnya merupakan bidang kajian komparatif untuk memberi akar yang kuat bagi bahasa Eropah. (78) Filologi digunakan untuk memerintah dan untuk belajar, kemudian untuk membandingkan Timur dan Eropah.

Dalam analisisnya, Said menemukan bahawa kebanyakan Orientalis memulakan kerjaya mereka melalui kajian bahasa, filologi. Dari sini, atas nama sains, bahasa dikelaskan, disusun dalam susur galur keluarga bahasa, dan dijadikan asas untuk mendiskriminasikan sesuatu kaum berdasarkan pengelasan ini. Dalam hal ini kita melihat bagaimana “sains” melahirkan rasisme. Dalam perkara ini, Said menganalisis kerjaya dan hasil kajian Friedrich Schlegel. (98)

Jika Orientalis klasik membenci manusia yang dilihat berbeza kerana kebencian agama, Orientalis moden memberikan justifikasi kebencian ini menggunakan sains. Said menerangkan bagaimana sains pada zaman awal Orientalis moden cuba mengelaskan alam dan manusia kepada jenis-jenis yang berbeza, nama besar dalam hal ini adalah Linnaeus dan Buffon. Klasifikasi manusia kepada “jenis” yang berbeza ini bukan sahaja mengambil tempat dalam sains alami, tetapi kemudian dikembangkan ke dalam antropologi dan pengeneralisasian budaya. Setiap “jenis” ini mempunyai sifat-sifat yang tersendiri, lantas membolehkan pemerhati memberikan mereka label. (119) Fenomena ini memberikan justifikasi baharu kepada bangsa Timur, terutamanya Islam, yang sebelum ini didefinisikan oleh Kristian Eropah. Orientalis moden masih mempunyai prejudis yang sama, cuma sebabnya yang berubah, kini ia mempunyai sebab sekular hasil pensekularan budaya Eropah di abad ke-18. (120)

Menurut Edward Said, pensekularan ini tidak bererti prejudis lama atas dasar agama dibuang. Itu tidak berlaku, apa yang berlaku adalah ia diubah suai, diagih semula, dan disebarkan semula

menggunakan dalil-dalil sekular. Melalui proses ini, Orientalis berbangga dengan metodologi dan posisi mereka, umpama pencipta dunia baru seperti mana Tuhan mencipta dunia lama. (121) *Thesis* yang ingin dikemukakan oleh Edward Said adalah bidang *Orientalism* dari sudut teori dan praxis bukanlah satu ilmu yang objektif, tetapi ia adalah struktur pemikiran yang diwarisi dari masa lalu. Bagi menyesuaikan dengan dunia moden, struktur pemikiran lama ini disekularkan dan direformasikan menggunakan bidang seperti filologi (kajian bahasa). *Orientalism* moden ini diterokai oleh Napoleon, kemudian ia diabsahkan menggunakan metod saintifik dan rasional oleh sarjana seperti Silvestre de Sacy, Ernest Renan dan Edward William Lane. (122)

Cendekiawan yang diasosiasikan dengan *Orientalism* moden adalah Silvestre de Sacy yang menyusun bidang Orientalis menjadi satu sistem teks yang sistematik. Sacy juga menjadikannya bahan untuk diajar secara praktikal, juga sebagai tradisi akademik, dan yang paling penting, Sacy menghubungkan bidang kajian *Orientalism* dengan pengubalan polisi-polisi pemerintahan. Sacy berjaya mengharmonikan pemikiran sains dan agama dalam bidang ini. (124) Sacy mengetengahkan "*theory of fragments*" yang menyatakan bahawa tidak semua bahan sastera Timur layak untuk diketengahkan, jadi tugas Orientalis adalah mengenal pasti, dan mengeluarkan mutiara-mutiara yang ada dalam sastera Timur ini untuk disajikan kepada orang Eropah. Inilah yang dilakukan Sacy dalam karyanya *Chrestomathie arabe* yang merupakan satu genre yang tersendiri iaitu *chrestomathy* – pemilihan rangkap-rangkap bagi membantu pengajian bahasa. Melalui kaedah ini struktur objektif sastera Timur dan penstrukturan semula yang berbentuk subjektif oleh Orientalis dicampur adukkan. Hasilnya adalah karya yang kelihatan seperti memperlihatkan bangsa Timur tapi sebenarnya telah diperspektifkan melalui lensa Barat. Bagi Orientalis, Timur perlu dibentuk semula untuk diketengahkan. (128-129)

Edward Said kemudian menghalakan kritikan beliau terhadap Orientalis Perancis, Joseph Ernest Renan yang memasuki bidang *Orientalism* melalui pintu filologi. Bagi Said, Renan menggunakan kuasanya sebagai Orientalis dalam bidang filologi bagi menggali rahsia-rahsia Timur dari bahasa-bahasa yang telah pupus dan hanya diketahui oleh sebilangan manusia. (138) Setiap mukasurat dari karya Renan memperlihatkan kuasa Orientalis dalam mengenalpasti kecacatan, nilai, kebobrokan, dan kelemahan di dalam bahasa, bangsa, dan ketamadunan Timur. (142)

Antara tokoh yang mempengaruhi pemikiran Renan adalah ahli naturalis Perancis bernama Etienne Geoffroy Saint-Hilaire yang mengutarakan falsafah dalam kajian perbandingan. Kajian terhadap sesuatu objek secara berasingan dan dalam isolasi tidak akan memberikan satu pengetahuan yang sempurna. Dengan membuat perbandingan kita dapat mengetahui hubungan antara objek, kita boleh melakukan klasifikasi, kita juga dapat melihat tindak balasnya terhadap persekitarannya. Falsafah perbandingan ini yang membuahkan pemikiran Renan untuk membandingkan Bahasa Semitik dengan Bahasa Indo-Eropah. Menurut Renan, Bahasa Semitik merupakan fenomena di mana bahasa itu terbantut perkembangannya jika dibandingkan dengan Bahasa Indo-Eropah. Bahasa Semitik dan Oriental menurut Renan adalah bahasa yang terbantut, tidak organik, dan bukan bahasa yang hidup, oleh itu ia menggambarkan bangsa penuturnya sebagai bangsa yang mati. Bagi Said, inilah pencapaian saintis Eropah dalam makmal sains sosial mereka, kebolehan mereka untuk membentuk melalui perbandingan ini adalah tanda kuasa imperial mereka. (144-145) Membaca karya-karya Renan dan Sacy, kita melihat bagaimana prejudis dan generalisasi budaya dijadikan senjata yang bersifat saintifik. Namun menurut Said, sama ada falsafah perbandingan ini merupakan satu keperluan dalam kajian saintifik ataupun merupakan satu semangat supremasi bangsa yang berselindung dibalik hujah saintifik merupakan sesuatu yang tidak dapat diputuskan dengan jelas. (149)

Edward Said juga mengkritik taktik yang digunakan oleh Orientalis dalam mendapatkan maklumat dari bangsa Timur. Antara yang dikritik adalah Edward William Lane yang menyamar menjadi

Muslim dalam masa yang sama mengekalkan keaslian Eropah dirinya. Bagi Said, Lane merupakan seorang yang manipulatif dalam naratif dan subjeknya. (161) Penulis Eropah selepas tahun 1800 juga sering mengaitkan Oriental dengan fantasi seksual, perkara ini dapat dilihat dalam penulisan Flaubert, Nerval, Burton dan Lane. Menulis perihal Timur seperti tidak lengkap jika tidak dikaitkan dengan harem, puteri, dan penari wanita. Penulis demi penulis, mengulangi aspek ini sehinggalah wujudnya komoditi seperti "*oriental sex*" di dalam masyarakat umum. (190)

Penerusan *Orientalism* di Era Kolonial

Dalam bab "Mengenal Oriental", Said memulakannya dengan ucapan Sir Arthur James Balfour di House of Commons. Ya, Balfour yang sama yang menulis Deklarasi Balfour yang menjanjikan Palestin kepada bangsa Yahudi pada tahun 1917. Dalam ucapannya, Balfour menekankan kelebihan British yang mempunyai ilmu dan kekuasaan. British bagi Balfour mampu mengkaji dan memahami bangsa Timur dari permulaanya, kemuncaknya, hingga kejatuhannya, British mempunyai kekuatan ilmu untuk mengkaji ini semua. Ilmu British perihal Mesir adalah "Mesir" bagi Balfour. (32) Atau dalam kata lain, apa yang ditakrifkan sebagai Mesir oleh keilmuan British, itulah Mesir. Dengan kekuasaan dan kemampuan mencipta ilmu inilah, Evelyn Baring (Lord Cromer), pentadbir kolonial di Mesir mampu menulis buku yang bertajuk *Modern Egypt*. (38)

Bagi Said, pengetahuan Barat perihal Oriental berkembang pesat seiring perkembangan projek kolonial Eropah, iaitu dari tahun 1815 hingga 1914 dimana penguasaan Eropah meningkat dari 35 peratus permukaan bumi kepada 85 peratus permukaan bumi dengan dua kuasa utama sebagai penguasa kolonial utama dunia iaitu British dan Perancis. Ada ketika mereka berkonflik, ada ketika mereka berdamai dan ada ketika mereka bekerjasama. Mereka bukan sahaja bekerjasama memonopoli tanah jajahan dan keuntungan, tetapi juga kuasa keilmuan yang disebut Said sebagai Orientalism. Ia juga menjadi perpustakaan dan arkib yang menyimpan informasi yang dipelajari. (41)

Sesebuah masyarakat yang membangun, jarang sekali menawarkan manusia perkara lain selain dari imperialisma, rasisma dan semangat etnik terutamanya apabila mereka menghadapi masyarakat yang berbeza budaya dengan mereka. Perkara inilah yang dilakukan oleh orang Eropah dengan bantuan Orientalisme yang dianggap saintifik. (204) Bagi Orientalis, bangsa timur perlu dijajah, dan "penjajahan" ini, di mata Orientalis adalah pembebasan. Orientalis tidak nampak bahawa pemikiran seperti ini merupakan sesuatu paradoks, bagi mereka bangsa Timur tidak memahami apa itu kebebasan. Kebebasan perlu diberikan kepada mereka oleh Eropah melalui penjajahan. (172) Pengkaji yang mengkaji Timur, menggunakan kajian saintifik mereka untuk membantu penguasa-penguasa kolonial. Edward Said memberi contoh, antara yang beliau sebut adalah Snouck Hurgronje yang mengkaji Islam kemudian menjadi penasihat kepada kerajaan Kolonial Belanda perihal bagaimana untuk mengawal populasi Muslim Indonesia sebagai koloni mereka. Begitu juga Orientalis seperti Macdonald dan Massignon, pengkaji Islam yang digunakan penguasa kolonial bagi mengawal subjek mereka di Afrika Utara dan Pakistan. Proses kajian dan kefahaman terhadap Timur ini perlahan-lahan berubah, dari kajian yang berbentuk tekstual dan pemerhatian kepada bentuk administrasi, ekonomi dan militer. (210) Oleh itu, menurut Said, Timur dikaji, kemudian berubah dari suatu objek yang asing kepada objek kolonial. (211)

Bantuan yang diberikan oleh Orientalism dalam menjayakan projek imperial dan kolonial ini memberi kesan kekal ke atas kawasan-kawasan yang ditakluk. Kesan ini bukan sahaja pada keadaan masyarakat Timur, tetapi juga kepada minda populasi yang dijajah. Ini diakui oleh tokoh kolonial seperti Lord Cromer (Evelyn Baring) apabila beliau menjelaskan kesan pendudukan British dengan nada penuh teologikal sebagai "*an enduring mark, can never be the same as it before*". (213) Kuasa imperial merasakan keperluan untuk mewujudkan institusi pengajian yang mengkaji Timur, institusi ini

masih wujud hari ini, dari rahim imperialisma lahir *School of Oriental Studies* yang kemudiannya menjadi *School of Oriental and African Studies* (SOAS) di Universiti London. Institusi ini menurut Lord Curzon adalah “*furniture of Empire*”. (214)

Furniture of Empire ini sangat penting dalam memperhalusi ilmu-ilmu perihal Timur. Keseluruhan sistem yang diasaskan British adalah untuk memastikan masyarakat dimajukan, dari masyarakat tradisional kepada masyarakat komersial tanpa menghilangkanan pergantungan kepada British dari sudut kawalan dan yang lebih penting, tanpa menghilangkanan keuntungan kepada penguasa kolonial. (215) Dalam diskusi Orientalism, Edward Said tidak hanya menyentuh penulisan ahli akademik, penulis, dan sejarawan. Beliau turut mengkritik agen-agen yang bekerja untuk empayar Eropah seperti Gertrude Bell, T. E. Lawrence (*Lawrence of Arabia*), dan St. John Philby (juga dikenali sebagai Jack Philby atau Sheikh Abdullah). Mereka ini merupakan agen yang dihantar oleh Empayar British untuk menjadi “sahabat” kepada orang Timur, dalam masa yang sama membantu empayar membuat polisi-polisi yang sesuai hasil keakraban dan pengetahuan mereka perihal bangsa Timur. (224) Lawrence sebagai contoh membuat generalisasi budaya yang sangat simplistik menurut Said, bagi Lawrence ketamadunan Arab yang panjang telah memperhalusi sifat orang Arab kepada sifat-sifat asas mereka. Pada Said, menurut pandangan seperti ini, orang Arab dikatakan mempunyai “*centuries of experience and no wisdom*”. (230)

Dalam bab yang ketiga, ketika menyentuh persoalan gaya penulisan, bidang kepakaran, dan juga visi Orientalism, Edward Said memulakan kritiknya terhadap konsep “*White Man*” yang diketengahkan oleh penulis tersohor Rudyard Kipling (penulis *The Jungle Book*). Dalam penulisannya, Kipling menulis perihal peranan orang kulit putih dalam “membersihkan” tanah-tanah yang mereka lalui, dan bagaimana keberanian mereka untuk membunuh dan terbunuh demi “kebebasan”. (226)

Bagaimana budaya liberal boleh menerima Orientalism?

Antara persoalan yang kelihatan seperti misteri menurut Edward Said adalah bagaimana budaya Liberal Eropah boleh menerima idea-idea Orientalis yang bersifat punitif dan reduksionis ini? Persoalan ini akan kelihatan kurang misteri apabila kita melihat bagai mana bidang Orientalisme menggunakan sentimen dan pendekatan sains seperti linguistik, antropologi dan biologi untuk menunjukkan bahawa idea mereka adalah idea emperikal bukan spekulatif atau bersifat idealistik. Kita boleh mengetepikan idea-idea ini sebagai tidak saintifik jika ia hanya merupakan teori satu atau dua orang pemikir, namun terma perdebatan dalam bidang ini termasuklah perdebatan tentangnya sendiri tersebar sangat luas di seluruh dunia. Hasilnya adalah wujudnya “*race theory*” yang mengklasifikasikan manusia dengan klasifikasi primitif dan asal-usul primitif. Teori ini apabila bergabung dengan nasionalisme dan imperialisme menatijahkan tragedi kepada manusia. Apabila bergabungnya sains (baca pseudo-sains) bersama politik dan budaya, maka ia menjadi justifikasi penaklukan Eropah keatas bangsa bukan Eropah. (232)

Pandangan-pandangan Orientalis keatas orang Timur dan bangsa Asia dianggap satu “kebenaran” biologikal. Akibatnya manusia tidak dapat lari dari sifat “asal” mereka, contohnya jika seorang manusia itu dilahirkan sebagai orang “Asia” dan Orientalis menulis pendapat mereka bahawa orang Asia itu sifat asalnya adalah pemalas, dia tidak dapat lari dari sifat itu. (233) Pandangan Orientalis ini melahirkan pemikiran binari antara “kita” dan “mereka”. Bagi Orientalis, “kita” adalah orang Eropah yang penuh dengan tamadun, manakala “mereka” merupakan bangsa yang penuh dengan sifat-sifat buruk. (237)

Dari “keilmuan” Barat terhadap Timur lahir dialektik baharu. Perubahan dari penulisan akademik kepada aktiviti-aktiviti fizikal yang nyata. Pemahaman perihal Timur digunakan agar potensi dan

kebolehnya digunakan untuk mencapai ambisi Barat dari aspek nilai, ketamadunan, dan juga tujuan. Dalam erti kata lain, pengetahuan perihal Timur digunakan oleh Barat sebagai alat bagi mereka menggunakan Timur untuk mencapai tujuan mereka. Dari tulisan-tulisan akademik, *Orientalisme* digunakan untuk menempa sejarah baharu. (238) Daripada sudut pandang ini, Edward Said menunjukkan bagaimana kajian akademik Orientalis berubah dari bidang filologi kepada pentadbiran koloni, pengurusan politik, dan juga misi Orang Putih untuk “mentamadunkan” orang Timur. Semua ini berlaku dalam sfera budaya Liberal Barat yang menurut Said sebenarnya berlawanan dengan sifat Liberal yang sebenar. (254)

Persatuan Kristian dalam Misi Orientalism

Sebelum Amerika memegang tampuk pemerintahan dunia, dua kuasa dunia yang mendominasi dunia melalui kolonialisma adalah British dan Perancis. Menurut Said, projek kolonial ini disertai oleh pelbagai organisasi Kristian termasuklah Society for Promoting Christian Knowledge (1698), Society for the Propagation of Gospel in Foreign Parts (1701), Baptist Missionary Society (1792), Church Missionary Society (1799), dan banyak lagi. Namun, apabila projek kolonial ini bermula, kebanyakan bangsa Eropah menghadapi kekecewaan kerana Timur moden yang mereka temui tidaklah semistik dan seaneh seperti yang digambarkan dalam teks-teks Orientalis. (100) Ini adalah masalah yang terhasil apabila tulisan-tulisan Orientalis yang menggunakan generalisasi terhadap bangsa Timur dianggap sebagai fakta sains dan sejarah. (101).

Dalam mengkritik tulisan Orientalis yang memesongkan Islam, Edward Said mengambil contoh sarjana Orientalis Perancis terkenal, Louis Massignon yang menukikan bahawa Islam adalah penolakan terhadap Kristian, Islam diperkenalkan sebagai bukan agama yang original. Bagi Massignon, tokoh Islam sebenar bukan Muhammad atau Ibnu Rusyd, tetapi Hallaj. Hallaj diangkat kerana kehidupannya menyerupai kehidupan Christ seperti yang difahami di Barat. Dengan menentukan apa yang sebenarnya patut ada pada Islam, Orientalis mengangkat diri mereka menjadi hakim. Orientalis menganggap Islam sebagai satu synthesis budaya yang boleh dikaji seperti ekonomi, sosiologi dan politik. Bangsa Timur bukan Bangsa timur seperti apa yang ada, tetapi bangsa yang sudah “di-Timurkan” (*Orientalized*) oleh Orientalis. Namun naratif Orientalis ini semakin terhakis apabila negara-negara Timur mula melepaskan diri dari cengkaman kolonial terutamanya selepas Konferens Bandung 1955. (104-105)

Bagi Said, selepas Perang Dunia Kedua, projek Orientalisme ini diambil alih oleh Amerika Syarikat yang mengisi kekosongan kuasa yang ditinggalkan British dan Perancis. Walau bagaimana pun, kepekatan Orientalisme Amerika Syarikat tidak sampai ke tahap Eropah, hal ini kerana Amerika mempunyai sejarah yang singkat dengan Orientalisme, oleh itu kajian mereka tidak begitu diperhalusi. Bagi Amerika, hubungan mereka dengan Timur lebih kepada soal pentadbiran dan polisi. (290) Namun, bidang Orientalisme di Amerika Syarikat, sejak penubuhan *American Oriental Society* pada tahun 1842, telah dengan jelas menggariskan ambisi mereka untuk mengikuti jejak langkah Eropah. Dalam kata lain, sejak awal lagi ia adalah bidang politikal bukan akademik. (294)

Kritikan Edward Said Terhadap H.A.R. Gibb

Antara tokoh besar lain yang menjadi sasaran kritikan tajam Edward Said adalah Orientalis dari Scotland, H.A.R. Gibb yang menyatakan bahawa psikologi dan mekanik politik Barat tidak boleh diaplikasikan kepada masyarakat Asia dan Arab. Kerana bagi Gibb Oriental tidak akan boleh menguasai logik seperti orang Barat, mereka adalah bangsa yang “berbeza”. Jika ia diaplikasikan, ia tidak akan berjaya, cubaan untuk menyamakan Barat dan Timur adalah fantasi seperti Walt Disney bagi Gibb. Said mengklasifikasikan pemikiran Gibb ini sebagai Disneyism. Oleh itu perjuangan bangsa Timur menentang kolonial, diskriminasi ras bukanlah kerana mereka

mempunyai logik kebebasan yang sama seperti orang Barat. Sebab itu apabila bangsa Palestin melawan penjajahan Israel, ini tidak dianggap sebagai perjuangan pembebasan, tetapi menurut Orientalis seperti Bernard Lewis ia adalah fenomena kembalinya semula kekuasaan Islam “*the return of Islam*”. (107)

Kritikan Edward Said Terhadap Pemikiran Kolonial Karl Marx

Antara sebab mengapa saya begitu kagum dengan tulisan Edward Said ini adalah kejujuran dan keberanian beliau mengkritik tokoh-tokoh besar falsafah baik tokoh spektrum kiri mahupun kanan. Said tidak apologetik dalam mengkritik apa yang dilihatnya sebagai percanggahan dalam pemikiran. Antara tokoh yang dikritik oleh Said adalah Karl Marx. Jika kita melihat gerakan kiri pada hari ini, ideologi Marxis disamakan dengan idea yang progresif dan humanis. Seolah-olah beliau merupakan figura yang mempunyai nilai kemanusiaan menjangkau zamannya.

Namun hal ini tidaklah seperti yang dicanangkan oleh ideolog kiri. Said membahaskan bagaimana dalam kajian Marx terhadap pemerintahan British di India, Marx berpendapat bahawa dengan memusnahkan Asia, British dapat melaksanakan revolusi sosial yang sebenar. (153) Bagi Said, walaupun Marx mempunyai simpati yang kuat kepada kesengsaraan manusia, namun akhirnya visi Romantik Orientalis yang akhirnya menang dan terserlah dalam pemikiran beliau. Pemikiran ini menurut Said membingungkan, beliau mempersoalkan di manakah moral dalam pemikiran Marx? Dimanakah simpatinya kepada manusia hilang? Kemana ia hilang apabila pemikiran Orientalis menyusup masuk ke dalam pemikiran Marx? (154)

Orientalis melihat manusia dalam bentuk kolektif dengan generalisasi abstrak, menghilangkan nilai individualiti manusia dan menggantikannya dengan entiti *artificial*. Manusia tidak dilihat sebagai manusia tetapi dipisahkan dalam kelas masing-masing. Kelas seperti orang Asia versus Eropah, juga *Oriental versus Occident*. Pengelasan manusia kepada entiti abstrak ini, yang melahirkan pemikiran binari “kami” melawan “mereka” dalam pemikiran Orientalis Eropah, dan Marx tidak terkecuali. (155) Segala kehebatan dalam pemikiran Marx, penghargaan beliau terhadap emosi, perasaan manusia, semua ini dibakul sampahkan apabila ia berhadapan dengan tapisan pemikiran Orientalis yang ada. Apa yang menyebabkan ini berlaku? Pertama, menurut Said, adalah keinginan Marx untuk membuktikan teori revolusi ekonomi dan sosial beliau. Kedua, adalah kerana beliau mempunyai korpus penulisan yang besar dalam kesarjanaan perihal bangsa Timur, yang mana Marx terpaksa akur dengan kenyataan-kenyataan yang telah ditulis perihal bangsa Timur. (155)

Kritikan Edward Said Terhadap Bernard Lewis

Antara sebab utama saya mahu menekuni karya Edward Said ini adalah kerana saya mahu mengetahui kritikan beliau kepada sarjana Orientalis besar seperti Bernard Lewis yang merupakan seteru utama beliau. Saya ada menonton siri debat mereka, juga membaca tulisan dan tulisan balas mereka di *The New York Review* dan saya mahu membacanya dalam bentuk buku bercetak. Di dalam naskah ini, kritikan Said kepada Lewis diletakkan di bahagian akhir pada bab “*Orientalism Now*”, bagi saya secara peribadi, saya sedikit kecewa kerana kritikannya tidak begitu *extensive* seperti yang saya harapkan, namun elok juga kita perhalusi di sini kerana bagi saya ia adalah satu kritikan yang penting.

Said mengkritik huraian Lewis perihal maksud perkataan “*thawra*” (revolusi) dalam Bahasa Arab. Bagi Said tafsiran Lewis menampakkan seolah-olah orang Arab tidak mampu menggerakkan revolusi dengan penuh idealisma seperti orang Eropah. Lewis mengaitkan perkataan *thawra* dengan unta dan perkataan-perkataan yang berkonotasi buruk dan seksual, bagi Said ia tidak lebih dari satu “*sarcastic scholarship*” yang merendahkan Revolusi Arab sebagai “*babblings of yokels*”. Bagi Said, Lewis

kelihatan berautoriti dari latarbelakang pengajiannya, namun tulisan-tulisan beliau adalah bersifat ideologikal yang berbentuk propaganda untuk memburukkan subjek kajiannya. Ia adalah skandal akademik yang merupakan produk kesarjanaaan Barat yang tidak kritikal. Said juga mengkritik tulisan-tulisan Lewis yang mengitar semua penulisannya untuk memburukkan orang Arab dan Islam yang menggambarkan kekeringan nilai kesarjanaaan Lewis. Edward Said pergi lebih jauh, baginya karya-karya Lewis adalah polemik, bukan akademik. Beliau juga mengkritik prejudis Lewis terhadap orang Arab, penulisan Lewis tidak pernah menerangkan penjajahan dan projek kolonial Zionis yang berlaku kepada Palestin, sebaliknya fokus tulisan Lewis hanya untuk memaparkan sifat buruk nasionalis Arab. (314-318)

Bahaya Pemikiran Tekstual Literal

Edward Said juga memberi amaran perihal bahayanya *textual attitude*. Iaitu kepercayaan bahawa kehidupan manusia yang kompleks dengan pelbagai masalah yang tidak boleh diramal ini boleh difahami hanya dengan membaca buku atau teks-teks lama yang pernah ditulis. Apa yang lebih bahaya adalah mengaplikasikan apa yang dibaca secara literal terhadap dunia realiti. *Textual attitude* ini biasanya lahir apabila manusia berhadapan dengan sesuatu yang sebelum ini jauh dan asing bagi mereka. Ia juga boleh lahir dari apa yang dipersembahkan oleh sebuah buku yang nampak seperti suatu kejayaan, dan pembaca merasakan situasi mereka di alam realiti sama dengan apa yang dibacanya dan dia juga boleh mencapai kejayaan yang sama. (93)

Walaupun sesuatu teks itu tidak menggambarkan pengalaman dan perkara sebenar, bagi Said terdapat proses dialektik yang kompleks dimana pengalaman pembaca di dunia sebenar dipengaruhi oleh buku yang dibaca mereka. Oleh itu, sesuatu tulisan bukan sahaja boleh mencipta ilmu, ia malah boleh mencipta realiti yang cuba digambarkan. Apabila masa berlalu, realiti yang dicipta boleh menjadi tradisi. Begitulah juga apa yang kita lihat dalam dunia penulisan Orientalism, Gustave Flaubert sebagai contoh mengumpulkan informasi dalam katalog *idees recues* beliau, katalog ini kemudian menjadi rujukan bagi Napoleon dan de Lesseps yang mempunyai kesan langsung terhadap realiti yang berlaku hasil dari pemahaman bacaan mereka. (94)

Kesimpulan: Kesan Orientalism Kepada Timur

Walaupun Edward Said begitu tajam mengkritik Orientalis dan projek Orientalisme mereka, bagi Said kritikan ini bukanlah untuk menampakkan bahawa mereka bukan manusia. Malah menurut Said, para sarjana Orientalis ini sebenarnya merupakan manusia yang mempunyai kapasiti untuk memahami budaya lain, cuma beliau tidak bersetuju dengan pandangan mereka dan hala tuju projek mereka. Ia seolah-olah seperti beliau mengkritik tetapi dalam masa yang sama berlaku adil dan mengiktiraf sisi kemanusiaan mereka. (274)


Penulisan dan penguasaan Orientalis ini menjadikan individualiti dan sifat masyarakat seperti masyarakat Arab bukan lagi sesuatu yang bersifat realiti yang boleh dirasai dengan pengalaman, sebaliknya ia menjadi sesuatu idea, "*the world is my idea*". (310) Sifat obses Orientalis terhadap masyarakat Timur seperti orang Arab membuatkan Said tertanya, mengapa mereka begitu obses dengan mereka sedang orang Timur itu menurut pandangan Orientalis sangat negatif sifatnya? Bagi Said, salah satu jawapannya adalah kebolehan mereka untuk memberi kekuasaan kepada Eropah.

Dalam bab-bab akhirnya, Edward Said melihat kejayaan Orientalism dalam bidang pendidikan. Pendidikan di Arab semuanya merupakan legasi pendidikan kolonial. Beliau mengkritik ketiadaan perpustakaan yang baik di tanah Arab, manakala pelajar-pelajar mereka yang berpotensi diserap ke universiti di Eropah dan Amerika Syarikat. Mereka tidak mampu membuat kajian-kajian *advance*

melainkan terpaksa ke Eropah dan Amerika Syarikat. Malah jurnal kajian Arab terkemuka juga diterbitkan di luar negara-negara Arab. (323)

Edward Said menutup naskah ini dengan renungan beliau tentang bagaimana pemikiran moden menjadikan kita lebih sensitif terhadap representasi, terutamanya representasi “orang lain” dari kita. Kita juga semakin skeptikal dengan kekuasaan dan bagaimana kuasa itu digunakan. Bagi beliau, seorang intelektual moden perlu mempunyai fungsi dalam hal-hal sosial dan politik. Oleh sebab itu, sudah tiba masanya ilmu-ilmu yang bersifat prejudis seperti Orientalism dicabar. Bagi Said, Orientalism merupakan manifestasi kegagalan intelektual dalam memahami sifat dan pengalaman manusia, ia juga merupakan satu peringatan bagaimana keserjanaan dan keilmuan boleh mereput dan rosak. (327-328)

Nota



Bagi memudahkan rujukan, setiap isi yang disentuh dan dihuraikan dalam penulisan ini disertakan dengan nombor mukasurat buku asal dalam kurungan. Versi yang dirujuk adalah versi yang diterbitkan oleh Penguin Books cetakan tahun 1991. Penulisan ini juga telah dibentangkan dalam program Sesi Mengopi Bersama JC anjuran Journalism Club, International Islamic University Malaysia (JC IIUM) pada 18 Mac 2022. Program ini diselia oleh saudara Izzuddin Khalis sebagai moderator. Rakaman pembentangan ini boleh diakses pada laman Youtube rasmi JC IIUM pada pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=dIr3Hp7GAYI>

